

27/09/1997

Kaunselor tidak profesional punca program Aids gagal

GEORGETOWN, Jumaat - Program Kaunseling HIV/Aids yang dirangka bagi faedah banduan gagal menepati sasaran kerana penggunaan khidmat kaunselor tidak profesional.

Ketua Pengarah Penjara, Datuk Zaman Khan, menjelaskan perkara itu dalam kertas kerjanya bertajuk 'Polisi dan Program Jabatan Penjara Malaysia yang berkaitan dengan Pengurusan Aids dan Pencegahan Aids dalam Konteks Kepenjaraan'.

Ia dibentangkan di Bengkel Mengenai Peranan Institusi Pemulihan Bagi Menangani dan Menguruskan Gejala Aids di Universiti Sains Malaysia (USM) dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, selama ini, kakitangan Jabatan Penjara yang memberi kaunseling umum adalah kaunselor, pegawai perubatan, pembantu perubatan, pegawai kebajikan/pembantu pembangunan masyarakat, guru agama/pembantu hal ehwal Islam dan pembantu penerbitan penjara.

"Bagaimanapun, pengetahuan tidak mendalam mengenai pelbagai aspek mengenai HIV/Aids di kalangan kaunselor ketika mengendalikan program itu tidak menampakkan kesan positif," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, penubuhan jawatankuasa khas membabitkan pegawai Kementerian Kesihatan dan Jabatan Penjara akhir tahun lalu telah merangka Modul Latihan Kaunseling HIV/Aids Penjara.

Menurutnya, modul berkenaan digunakan buat pertama kalinya bagi melatih 36 orang Kaunselor Penjara, Mei lalu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan jumlah itu dijangka meningkat kepada seramai 240 pegawai menjelang akhir tahun ini.

"Matlamat Jabatan Penjara Malaysia adalah untuk memastikan semua lapisan kakitangan dalam perkhidmatan penjara diberi pendedahan dan latihan di bidang kaunseling HIV/Aids bagi melicinkan pelaksanaan tugas harian dengan lebih berkesan," katanya.

"Pembabitkan NGO berpengetahuan luas mengenai teknik dan kemahiran menyampaikan kaunseling HIV/Aids penting bagi mencapai matlamat itu," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata 21,800 kes Aids dilaporkan di seluruh negara sehingga Ogos tahun ini.

Beliau yang diwakili Pensyarah Undang-Undang USM, Lekha Laxman, berkata 72 peratus daripada 21,800 kes itu membabitkan penagih dadah yang dikesan menghadapi HIV/Aids menerusi suntikan jarum dan kini ditempatkan di pusat pemulihan dan penjara di seluruh negara.

(END)